

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XIV)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS
YB. LEE CHUN KIT**

4. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam menolong persatuan-persatuan sukan kita dari segi kewangan?
- (a) Adakah *financial independence* dalam rancangan tersebut?

**YB. SOON LIP CHEE
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang sentiasa membantu persatuan-persatuan sukan dari segi kewangan. Antara bantuan yang diberikan adalah seperti berikut:-
- (i) Melantik serta membiayai gaji Jurulatih Sukan Penuh Masa, Jurulatih Luar Negara atau Jurulatih Sambilan;
 - (ii) Sewaan pusat latihan sukan;
 - (iii) Pembelian peralatan serta kelengkapan sukan untuk latihan dan pertandingan;
 - (iv) Penyediaan elaun latihan SUKMA kepada atlet-atlet yang menjalani latihan penuh masa;
 - (v) Penyediaan elaun latihan kepada Atlet-Atlet Elit Negeri;
 - (vi) Penyaluran bantuan subsidi untuk penyertaan dalam pertandingan dan kejohanan sukan peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa;

- (vii) Penyaluran bantuan untuk penganjuran pertandingan dan kejohanan dalam negeri;
- (viii) Bantuan kewangan kepada Persatuan Sukan Negeri untuk menghadiri kursus-kursus berbayar yang berkaitan;
- (ix) Melaksanakan pelbagai bengkel pengurusan sukan serta pengukuhan kewangan kepada Persatuan Sukan Negeri yang bernaung di bawah MSNPP;
- (x) Bantuan subsidi untuk penganjuran klinik pengenalan sukan di bawah program *Sports For All* yang merupakan salah satu inisiatif di bawah Penang2030; dan
- (xi) Menyalurkan peruntukan bagi pelaksanaan program pembangunan sukan di peringkat daerah negeri Pulau Pinang.

Bantuan yang dilaksanakan oleh kerajaan negeri ini adalah sebagai sokongan kepada persatuan-persatuan sukan. Kerajaan negeri sentiasa menggalakkan persatuan-persatuan sukan untuk berusaha menjana sumber pendapatan sendiri bagi melaksanakan program-program pembangunan sukan negeri dan mengelakkan kebergantungan terhadap sumber peruntukan dari kerajaan negeri seterusnya menjadi persatuan yang *financially independent*.